



### Hafeez Babar Teraju Presiden UPMISA



*Hafeez Babar berjabat tangan bersama pencabarnya RosNsamba Hussein.*

**SERDANG, 12 Februari** – Pelajar antarabangsa tahun ketiga pengajian Pengurusan Tanah di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Hafeez Babar memenangi jawatan Presiden Universiti Putra Malaysia International Students Association (UPMISA).

Beliau meraih 11 undi wakil UPMISA dari 22 buah negara Asia seperti Uganda, Yemen, Ethiopia, Tanzania, Nigeria, dan Myanmar dengan menewaskan pencabar, Nsamba Hussein Kisiki dari Uganda yang mendapat 7 undi.



*Pemilihan Presiden ditentukan oleh undi daripada wakil UPMISA.*

Hafeez yang berasal dari Pakistan menggantikan tempat mantan Presiden UPMISA yang dijabat oleh Roshidul Hasan dari Bangladesh dalam pemilihan tahunan itu.

"Saya berjanji untuk memikul tanggungjawab sebagai Presiden UPMISA dengan sebaiknya".

"Kami akan mempelbagaikan lagi aktiviti terutamanya dalam bidang sukan seperti perlawanan futsal dan bola sepak yang akan diwakili oleh pelajar antarabangsa dari IPTA dan IPTS seluruh Malaysia menentang pelajar antarabangsa dari UPM," katanya.



*Hafeez (kanan) gembira selepas diumumkan sebagai Presiden UPMISA.*

Beliau juga akan mempelbagaikan seminar dan bengkel bagi membantu pengajian akademik serta kehidupan seharian pelajar seperti Seminar Keselamatan dan Perlindungan Pelajar Antarabangsa baru- baru ini.

Bagi jawatan Timbalan Presiden, Setiausaha Umum, Setiausaha Kewangan dan Pembantu Setiausaha Umum, calon- calon menang tanpa bertanding.



*Wakil UPMISA dari 22 buah negara Asia bergambar kenangan bersama bakal Presidennya.*

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Mohd Faisal Md Noor-89466011)**